

## **Analisis Kaedah Menghilangkan Kemudaratan Dalam Penstrukturan Semula Pembiayaan Islam**

*Analysis of Harm Retrieval Methods in Islamic Financing Restructuring*

ERFAN ASMAIE KHAIRUL ANAM, Universiti Kebangsaan Malaysia  
ABDUL BASIR MOHAMAD<sup>1</sup>, Universiti Kebangsaan Malaysia  
MOHAMMAD ZAINI YAHAYA, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: January 19, 2021    Accepted: April 5, 2022    Online Published: June 15, 2022

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

### **ABSTRAK**

*Penstrukturan semula pembiayaan merupakan salah satu kemudahan yang sudah biasa ditawarkan oleh institusi perbankan Islam untuk memberi keringanan kepada pelanggan yang berhadapan dengan bebanan dan masalah kewangan. Kemudahan ini dilihat mampu mengurangkan serta menghilangkan kemudaratan yang berlaku khususnya kepada pelanggan dalam situasi tertentu seperti bencana. Namun, sejauh manakah kemudahan ini dapat mencapai matlamat dan mengaplikasikan kaedah tersebut. Matlamat utama kajian ini adalah untuk menganalisis kaedah menghilangkan kemudaratan dalam penstrukturan semula pembiayaan Islam. Tujuan kaedah ini dikenal pasti adalah untuk melihat sejauh mana kebajikan dan keprihatinan institusi perbankan Islam dalam menjaga kepentingan dan kemaslahatan pelanggan khususnya ketika berlaku bencana alam dan kemalangan yang memerlukan kepada perancangan serta pengurusan kewangan yang lebih teratur. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis kandungan. Data-data dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif dan deduktif. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah menghilangkan kemudaratan telah diaplikasikan dalam penstrukturan semula pembiayaan melalui beberapa kaedah pecahan sama ada melibatkan pertembungan situasi umum dan khusus, kemudahan besar dan ringan, atau kemudahan dan kemaslahatan. Kemudahan yang berlaku secara umum dan lebih besar atau ditanggung oleh masyarakat keseluruhannya sudah pasti lebih diutamakan daripada kemudahan yang berlaku secara khusus atau kepada bank selagi mana tidak menyebabkan institusi perbankan lumpuh dan gagal. Walau bagaimanapun, kemudahan yang diberikan dengan sebab kemudahan yang berlaku itu perlu ditentukan kadarnya agar kepentingan dan keadilan kedua-dua belah pihak terpelihara.*

*Kata Kunci: Keringanan, kemudahan, penstrukturan semula, pembiayaan Islam, keuntungan berganda*

### **ABSTRACT**

*Financing restructuring is one of the common facilities offered by Islamic banking institutions to provide relief to customers facing financial burdens and problems. This facility is seen to reduce and eliminate the harm that occurs, especially to customers in certain situations such as disasters. However, how can this facility achieve the goal and apply the method. The main aim of this study is to analyze the methods of eliminating harm in the restructuring of Islamic financing. The purpose of this method is to see the extent of the welfare and concern of Islamic banking institutions in safeguarding the interests and welfare of customers, especially during natural disasters and accidents that require more orderly financial planning and management. This study uses qualitative methods through content analysis. The data were analyzed using descriptive and deductive methods. The study results found that the harm elimination method has been applied in restructuring financing through several fractional ways, whether involving the clash of general and specific situations, significant and minor harms, or harms and benefits. Disadvantages or harm that occur in general and are more remarkable or are borne by society as a whole are certainly more prevalent than harms that occur specifically or to banks as long as they do not cause banking situations to paralyze and fail. However, the facilities provided for the cause of the harm must be determined so that the interests and justice of both parties are preserved.*

*Keywords: Relief, harm, restructuring, Islamic financing, compounding interest*

---

<sup>1</sup> Corresponding Author.

## PENGENALAN

Islam merupakan agama yang mengutamakan kebajikan manusia dengan memberi kemudahan dalam setiap urusan sama ada berkaitan ibadah, muamalat, jenayah dan sebagainya. Walaupun syariat datang dalam bentuk memberi ancaman dan balasan kepada mereka yang melanggar perintah, namun fitrah dan kemampuan manusia ada ketikanya tidak mampu dan berhadapan dengan detik sukar sehingga menyebabkan bahaya dan kemudaratan. Oleh kerana itu, sesuatu hukum itu disebut berserta dengan kemudahan dan keringanan sama ada melalui dalil umum atau dalil khusus. Sebagai contoh, Allah SWT mengharamkan memakan bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang tidak disembelih nama Allah. Sekiranya seseorang berada dalam keadaan terpaksa (darurat), maka dia dibenarkan untuk memakannya dengan kadar yang tertentu sahaja. Keadaan ini bertepatan dengan elemen menjaga nyawa dalam Islam selain menjaga agama, akal, harta dan keturunan. Keringanan ini bertujuan membantu manusia untuk terus hidup dengan memainkan peranan sebagai seorang hamba dan khalifah di muka bumi ini. Islam bukan sahaja memberi kemudahan dan keringanan kepada umatnya, bahkan memberi kebaikan dan ketenangan kepada seluruh manusia. Meskipun manusia berbeza agama dan bangsa, namun Islam tetap meraikan seluruh manusia dengan penuh keadilan dan kemakmuran serta tidak membebaskan dan menindas agama atau bangsa lain. Di awal perkembangan Islam juga telah menyaksikan konsep beransur-ansur dan *nāsikh mansūkh* yang bertujuan meringankan kesulitan kepada masyarakat untuk meninggalkan perkara yang membawa kemudaratan yang lebih besar. Hal ini membuktikan bahawa ajaran Islam membawa satu pendekatan yang bersifat *syumul* (lengkap) dengan menjaga kebajikan di samping menjaga keselamatan manusia seiring dengan *maqāsid sharī'ah*.

Sistem ekonomi dan kewangan akan terus berkembang seiring dengan arus zaman dan kemajuan teknologi sehingga banyak keperluan yang perlu dinilai oleh syarak untuk membolehkan perbankan Islam berjalan seiring dan bersaing dengan perbankan konvensional serta tidak ketinggalan ke belakang. Walau bagaimanapun, penentuan terhadap hukum dalam kewangan Islam dan muamalat agak ringan berbanding ibadah kerana asal hukum bagi muamalat adalah harus, melainkan ada dalil yang mengharamkan. Kemudahan dan keringanan dalam muamalat dan kewangan Islam sudah pasti mengambil kira unsur keadilan dan ihsan sesama manusia demi menjaga kemaslahatan pihak-pihak yang berakad. Keadaan dan situasi ini sudah pasti dapat menarik minat masyarakat untuk beralih dan menstruktur semula pembiayaan daripada pinjaman konvensional kepada perbankan Islam termasuk golongan bukan Islam kerana mereka akan melihat dari sudut etika dan ketelusan. Oleh yang

demikian, institusi kewangan Islam perlu mengambil kira sebarang bentuk keringanan dan kemudahan terutamanya kepada pelanggan yang ditimpa kesulitan dan kesusahan agar matlamat penubuhannya tercapai.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan untuk memenuhi matlamat dan tujuan penyelidikan. Pendekatan ini menerangkan dan meneliti kaedah menghilangkan kemudaratan dalam penstruktur semula pembiayaan Islam. Data dalam penyelidikan ini dikumpulkan melalui dokumen-dokumen yang terdiri daripada sumber-sumber primer dan sekunder. Sumber primer terdiri daripada al-Quran, al-Sunnah dan kitab-kitab turath. Manakala sumber sekunder pula adalah daripada artikel, jurnal, buku-buku, laporan akhbar, dokumen polisi Bank Negara Malaysia dan sumber-sumber rujukan umum yang signifikan. Data-data tersebut seterusnya dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif dan deduktif untuk menghasilkan satu kesimpulan yang khusus.

## KONSEP MENGHILANGKAN KEMUDARATAN

Konsep menghilangkan kemudaratan berdasarkan kitab *al-Ashbāh Wa al-Nazā'ir Fī Qawā'id Wa Furū' Fiqh al-Shāfi'iyah* oleh al-Şuyūṭī (1983) adalah melalui kaedah *al-darar yuzāl* (kemudaratan itu harus dihilangkan). Kaedah ini merupakan salah satu kaedah fiqh daripada lima jenis kaedah fiqh yang utama. Perkataan *darar* bermaksud *nuqsān* iaitu kekurangan atau kerugian (Muhammad Hanief 2021). Menurut Ab. Latif & Rosmawati (2021), kaedah ini bermaksud wajib menghilangkan kemudaratan yang telah terjadi. Kaedah ini berperanan menghindarkan segala bentuk kemudaratan kepada masyarakat (Duski Ibrahim 2019) serta mengaplikasikan *maqāsid syarī'ah* iaitu menolak sebarang *mafsadah* (kerosakan) atau sekurang-kurangnya meringankan kerosakan yang berlaku (Mif Rohim 2019). Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), kemudaratan bermaksud perihai atau keadaan mudarat dan rugi atau segala yang tidak menguntungkan. Prinsip menghilangkan kemudaratan bersandarkan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2) ayat 173:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخَنزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ  
لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah, maka sesiapa terpaksa (memakan kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa.

Abdullah Basmeih (1998) menjelaskan bahawa situasi darurat pada syarak adalah keadaan yang mendatangkan bahaya kepada diri dan harta benda yang tidak harus dibiarkan hilang, rosak atau cacat. Al-Qurtubī meriwayatkan dari Mujāhid bahawa keadaan terpaksa tersebut berlaku bukan kerana keinginannya (Ibnu Kathīr 1999). Dalam *Mu'jam al-Wasī'ī* (2004), keadaan terpaksa tersebut bermaksud keadaan memerlukan dan mencari perlindungan. Darurat ialah keadaan yang mencemaskan atau menyusahkan berlaku secara tiba-tiba atau keadaan yang serba sulit disebabkan oleh ancaman (Dewan Bahasa dan Pustaka 2005). Oleh yang demikian, sekiranya seseorang berhadapan dengan situasi yang tidak dapat dielakkan atau darurat, maka dia diberi keringanan walaupun dalam keadaan melakukan perkara yang dilarang kerana mengelakkan berlaku kemudaratan itu adalah lebih utama. Secara asasnya, kaedah ini merujuk kepada satu hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbās RA bahawa Rasūlullah SAW bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: Tiada mudarat (*ḍarar*) dan tidak boleh memberi mudarat (*ḍirār*). (Ibnu Mājah 2014)

Hadith di atas menyebut dua perkataan yang hampir sama iaitu *ḍarar* dan *ḍirār*. Al-Bughā dan Mistū (2019) serta Soleh (2017) menjelaskan *ḍarar* bermaksud mendatangkan mudarat ke atas orang yang tidak menyakitinya dan *ḍirār* pula adalah membalas kemudaratan yang sama terhadap orang yang melakukan kemudaratan ke atasnya dengan satu cara yang tiada dalam syariat, iaitu selain *qisās*, *ḥudūd* dan *ta'dhīr*. Oleh yang demikian, melakukan sebarang bentuk kemudaratan dan kerosakan bukan sahaja ditegah terhadap diri sendiri, bahkan dilarang juga terhadap orang lain. Maka, kemudaratan tersebut wajib dihilangkan dan dihapuskan demi menjaga keselamatan dan kebajikan individu atau masyarakat.

#### DALIL BERKAITAN MENGHILANGKAN KEMUDARATAN

Prinsip menghilangkan kemudaratan secara asasnya bersandarkan kepada surah al-Baqarah ayat 173 dan hadith oleh Ibnu 'Abbās RA sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini. Walau bagaimanapun, terdapat banyak lagi dalil-dalil daripada al-Quran dan hadith yang menuntut supaya sentiasa berwaspada dan menjauhi segala bentuk kemudaratan dan kebinasaan yang timbul. Dalil yang mempunyai makna yang hampir sama dengan dalil daripada surah al-Baqarah ayat 173 ialah melalui firman Allah SWT dalam surah al-An'ām (6) ayat 119:

وَمَا لَكُمْ أَلَّا تَأْكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُررْتُمْ إِلَيْهِ

Maksudnya: Dan tidak ada sebab bagi kamu (yang menjadikan) kamu tidak mahu makan dari

(sembelihan binatang-binatang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, padahal Allah telah menerangkan satu persatu kepada kamu apa yang diharamkan atas kamu, kecuali apa yang kamu terpaksa makan.

Ibnu Kathīr (1999) menjelaskan bahawa Allah SWT telah mengharamkan sesuatu yang tertentu ke atas setiap manusia untuk dimakan kecuali pada keadaan terpaksa, maka diharuskan untuk makan apa sahaja yang dijumpai. Allah SWT juga menjelaskan berkenaan sesuatu kebinasaan itu perlu dijauhi melalui firman-Nya dalam surah al-Baqarah (2) ayat 195:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Maksudnya: Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil)...

Abdullah Basmeih (1998) menyatakan bahawa kebinasaan tersebut bermaksud sikap bakhil terhadap harta benda, ilmu pengetahuan, usaha mempertahankan negara dan agama dari ancaman musuh serta dianggap sebagai sengaja membiarkan diri jatuh ke dalam bahaya kebinasaan kerana sikap tersebut menggambarkan kelemahan mempertahankan negara dan bangsa atau membiarkan pihak musuh menyerang. Sesuatu kebinasaan yang perlu dijauhi bukan hanya kebinasaan kepada diri sendiri sebagaimana dalil daripada surah al-Baqarah ayat 173, bahkan Islam juga mengambil kira kesan kemudaratan kepada masyarakat sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah al-Qaṣaṣ (28) ayat 77:

وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُسْذِينَ

Maksudnya: Dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.

Ayat ini menjelaskan larangan melakukan sesuatu yang merosakkan masyarakat kerana boleh mengundang kemurkaan Allah SWT (Abdullah Basmeih 1998). Kemudaratan juga tidak boleh dilaksanakan secara sengaja untuk membuat sesuatu penganiayaan sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2) ayat 231:

وَلَا تُمَسْكُوهُنَّ ضَرَارًا لَتَعْتَدُوا ۗ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ

Maksudnya: Dan janganlah kamu pegang mereka (rujuk semula) dengan maksud memberi mudarat, kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka)...

Allah SWT melarang suami yang telah menceraikan isterinya merujuk semula bukan dengan tujuan yang baik, iaitu dengan niat untuk menanggung tempoh idah supaya perempuan tersebut tidak dapat berkahwin dengan orang lain (Ibnu Kathīr 1999). Maka, perbuatan tersebut merupakan suatu

kemudahan berbentuk penganiayaan yang perlu dielakkan.

Selain itu, terdapat beberapa dalil daripada hadith selain yang telah dinyatakan di atas yang menunjukkan keharusan meninggalkan perkara-perkara yang mendatangkan kemudahan dan memberi keringanan, antaranya hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah RA bahawa Rasūlullah SAW bersabda:

ما نهيتكم عنه فاجتنبوه وما أمرتكم به فافعلوا منه ما استطعتم

Maksudnya: Apa yang aku telah cegah kamu daripada melakukannya, maka hendaklah kamu menjauhinya dan apa yang aku telah perintahkan kamu agar melakukannya, maka hendaklah kamu melaksanakannya sekadar yang kamu mampu. (Muslim 2006)

Al-Bughā dan Mistū (2019) menyatakan bahawa hadith ini mempunyai kaitan dengan kaedah fiqh yang utama iaitu 'darurat mengharuskan perkara yang dilarang' dan 'kesukaran itu mendatangkan kemudahan'. Setiap suruhan dan perintah itu mestilah dilakukan dalam keadaan mampu dan mudah tanpa menimbulkan masalah dan kesusahan yang besar. Walau bagaimanapun, keringanan dengan sebab darurat atau sukar itu mestilah dilakukan sekadar yang diperlukan sahaja. Sebarang bentuk keringanan yang diberikan oleh Allah SWT adalah merupakan suatu bentuk manfaat demi menjaga keselamatan dan kebajikan yang perlu dipenuhi oleh setiap hamba-Nya yang beriman, sebagaimana sabda Rasūlullah SAW melalui hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah RA:

من حسن إسلام المرء تركه ما لا يعنيه

Maksudnya: Di antara kesempurnaan Islam seseorang itu adalah dengan meninggalkan sesuatu yang tidak memberi manfaat terhadap dirinya. (Mājah 2014) (Ibnu

Dalil-dalil yang telah dinyatakan di atas sama ada melalui al-Quran atau hadith adalah sebagai dukungan kepada prinsip menghilangkan kemudahan yang sudah pasti memberi ruang dan kemudahan kepada umat Islam untuk menjalani kehidupan beribadat dan bermuamalat dengan lebih efektif dan efisien.

#### KAEDAH PECAHAN 'MENGHILANGKAN KEMUDARATAN'

Terdapat empat kaedah pecahan atau yang terbit daripada kaedah *al-darar yuzāl* (kemudahan itu harus dihilangkan) yang menjadi kaedah utama menurut al-Şuyūṭī (1983):

a. *Al-Darūriyāt tubīh al-mahzūrāt bi sharṭ 'adam nuṣānihā 'anhā* (Keadaan terpaksa membolehkan sesuatu yang terlarang, dengan syarat tiada kekurangan dalam masalah tersebut)

Melalui kaedah ini, dihalaikan memakan bangkai ketika sangat lapar dan tiada makanan yang halal, meminum arak ketika sangat haus dan ketiadaan air lain, melafazkan pengakuan kafir ketika dipaksa tetapi bukan dengan hati dan mengambil hak orang lain ketika terdesak. Maksud dengan syarat tiada kekurangan dalam masalah tersebut adalah apabila pilihan selain keadaan darurat itu membawa kemudahan yang lebih besar, maka melakukannya adalah tidak dibenarkan. Sebagai contoh, apabila seseorang dipaksa membunuh atau berzina, maka dia tidak dibenarkan melakukan perbuatan tersebut walaupun dalam keadaan terpaksa kerana keadaan darurat yang dihadapi olehnya tidak boleh dihilangkan dengan memberi kemudahan kepada orang lain.

b. *Mā 'ubīh liḍdarūrah yuqaddar bi qadarihā* (Perkara yang diharuskan kerana darurat ditentukan batasan)

Dalam situasi seseorang yang sangat lapar dan tiada makanan, maka dia diharuskan untuk memakan bangkai tetapi dengan kadar yang tertentu sahaja iaitu sekadar menghilangkan rasa lapar dan tidak boleh sehingga mengenyangkan.

c. *Al-Darār lā yuzāl bi al-darar* (Kemudahan itu tidak dapat dihilangkan dengan kemudahan yang lain)

Sesuatu kerosakan itu tidak boleh dihilangkan dengan cara melaksanakan sesuatu kerosakan yang lain. Sebagai contoh, jika seseorang yang berada dalam keadaan darurat seperti kelaparan dan tidak mendapati makanan, dia tidak boleh menghabiskan makanan orang lain yang berada dalam situasi yang sama.

d. *Idhā ta'āraḍ maṣadatān rū'ī a'zamuhumā ḍararā bi irtikāb akhaffihimā* (Apabila bercanggah antara dua kerosakan, maka hendaklah dia menentukan yang lebih besar di antara dua kerosakan tersebut dengan melaksanakan sesuatu yang lebih ringan)

Kaedah ini juga disebut *dar'u al-maṣā'id awlā min jalb al-maṣā'ilīh* (menolak kerosakan itu lebih didahulukan daripada melakukan kemaslahatan). Kaedah ini menjelaskan apabila bertembung antara dua perkara yang melibatkan kerosakan dan kemaslahatan, maka menolak kerosakan adalah lebih diutamakan kerana pelanggaran dalam hukum syarak itu lebih keras daripada menjalankan sesuatu suruhan. Sebagai contoh, melaksanakan solat itu lebih utama didirikan dalam keadaan tidak mampu memenuhi syarat sah seperti tidak mampu menutup aurat.

e. *Al-Hājah tanzil manzilah al-darūrah 'āmah kānat 'aw khāshah* (Hajat atau keperluan juga seperti darurat sama ada secara umum atau khusus)

Definisi kaedah ini menurut Soleh (2017) ialah satu keperluan jika tidak dilaksanakan akan menyebabkan kesusahan dan kesulitan sama ada

keperluan umum yang melibatkan pemerintahan, pertanian dan perindustrian atau keperluan khusus yang melibatkan kelompok tertentu seperti penduduk di sesebuah negeri, ahli profesional dan individu tertentu. Sebagai contoh, *'uruf* dianggap sebagai sumber hukum syarak kerana *'uruf* manusia selari dengan kepentingan dan keperluan mereka selagi ianya tidak bertentangan dengan nas syarak.

Al-Bughā dan Mistū (2019) menyenaraikan beberapa kaedah cabang yang lain, antaranya:

a. *Al-Darar yudfa' bi qadr al-imbkân* (Kemudahan dicegah sekadar yang mungkin)

Kaedah ini mewajibkan pencegahan sebelum terjadinya sesuatu kemudahan dan mencari jalan keluar agar ianya tidak terjadi sekadar yang mungkin seperti mencegah sesuatu penyakit adalah lebih baik daripada mengubati.

b. *Yutahammal al-darar al-khāṣ li daf' darar 'ām* (Menanggung kemudahan yang khusus demi untuk mencegah terjadinya kemudahan yang umum)

Jika bertembung di antara kemudahan yang umum dan khusus, maka kemudahan yang umum hendaklah diutamakan untuk dijauhi dan dicegah walaupun berlaku kemudahan yang khusus kepada sebahagian orang. Abd Latif & Rosmawati (2021) menjelaskan contoh dari hukum furuk bagi kaedah ini ialah harus membunuh orang kafir yang menyesak kerana kemudahan yang dibawanya akan memberi kesan yang lebih besar kepada umat Islam berbanding kemudahan ke atas dirinya sendiri.

c. *Al-Darar lā yakūnu qadīman* (Kemudahan tidak

boleh dikekalkan)

Setiap sesuatu yang mempunyai kemudahan mestilah dihapuskan walaupun sesuatu perkara itu telah berlaku dalam tempoh yang lama. Sebagai contoh, jika seorang doktor pakar bedah telah berkhidmat berpuluh tahun. Kemudian, dia ditimpa penyakit sawan yang boleh menyebabkan berlaku kemudahan ketika membuat pembedahan, maka doktor tersebut ditegah untuk meneruskan pembedahan kepada pesakit walaupun dia telah lama berkhidmat sebagai pakar bedah kerana lamanya perkhidmatan tidak boleh diambil sebagai hujah.

#### KAEDAH MENGHILANGKAN KEMUDARATAN DALAM MUAMALAT ISLAM

Konsep menghilangkan kemudahan dalam Islam boleh diaplikasikan kepada beberapa hukum antaranya hukum bersuci, beribadat, perubatan, jenayah, pemerintahan, muamalat dan sebagainya. Hukum berkaitan muamalat mempunyai skop dan perbincangan yang sangat luas kerana melibatkan hubungan sesama manusia sehinggakan sesuatu hukum muamalat itu dianggap harus pada asalnya, melainkan ada dalil yang mengharamkan. Perkembangan dunia transaksi dan hubungan di antara masyarakat dan negara, sudah pasti memerlukan keseimbangan terhadap hukum muamalat bagi memberi keringanan dan kemudahan kepada manusia khususnya umat Islam. Terdapat beberapa hukum berkaitan muamalat yang mengaplikasikan konsep menghilangkan kemudahan serta pecahan-pecahannya (Muhammad Hanief 2021) melalui jadual 1:

Jadual 1: Kaedah Pecahan & Contoh Hukum Dalam Muamalat Islam

Kaedah	Hukum Muamalat Islam
<i>Al-Darar yuzāl</i> (kemudahan itu harus dihilangkan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Pembeli perlu memulangkan barang yang rosak atau terdapat kecacatan kepada penjual bagi mengelakkan kerugian kepada pembeli.</li> <li>✓ Kerajaan perlu mengawal aktiviti ekonomi seperti kawalan harga barang dan penyorokan barangan asasi bagi mengelakkan bahaya kepada keadaan pasaran.</li> <li>✓ <i>Khiyār</i> (pilihan) dalam Islam dibenarkan kepada pihak yang berkad.</li> </ul>
<i>Al-Darār lā yuzāl bi al-darar</i> (Kemudahan itu tidak dapat dihilangkan dengan kemudahan yang lain)	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Peniaga tidak boleh menghalang peniaga lain untuk meneruskan perniagaan yang dibenarkan syarak dengan alasan peniaga tersebut telah menyebabkan kerugian kepadanya.</li> <li>✓ Seorang pemilik kayu tidak boleh mencabut kayu daripada rumah sehingga boleh menyebabkan rumah itu runtuh walaupun kayu itu dirampas oleh pemilik rumah kerana mudarat tidak boleh dibalas dengan mudarat. Apa yang sepatutnya adalah pemilik rumah perlu membayar ganti rugi kayu yang telah dirampas daripada pemilik kayu.</li> <li>✓ Tidak dibenarkan menimbus tanah kerana ingin menyelamatkan rumahnya yang rendah dan mudah dinaiki air sehingga menyebabkan tanah orang lain pula yang tenggelam.</li> </ul>
<i>Al-Darar al-ashad yuzāl bi al-darar al-akhaf</i> (mudarat yang berat dihilangkan dengan mudarat yang ringan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Jika seekor ayam menelan sesuatu yang berharga milik orang lain, maka orang itu berhak menjadikan ayam itu sebagai miliknya dan membayar harga seekor ayam tersebut serta menyembelohnya. Itu adalah lebih baik daripada orang itu mencederakan ayam tersebut semata-mata untuk mengambil semula barangan berharga yang telah ditelan oleh ayam tersebut.</li> </ul>

<p><i>Yutahammal al-ḍarar al-khāṣ li daf' ḍarar 'ām</i> (Menanggung kemudaratan yang khusus demi untuk mencegah terjadinya kemudaratan yang umum)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Pemerintah boleh mengenakan tindakan ke atas peniaga yang menyorok barangan jualan dengan tujuan untuk menjualnya dengan harga yang lebih tinggi pada masa tertentu.</li> <li>✓ Boleh dipaksa seseorang yang mempunyai makanan yang banyak atau mempunyai simpanan makanan untuk diberikan kepada orang lain yang lebih memerlukan.</li> </ul>
<p><i>Al-Ḍarūriyāt tubīh al-mahzūrāt</i> (Darurat mengharuskan perkara yang ditegah)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Seorang individu Islam dibenarkan menyimpan sejumlah wang yang banyak sehingga boleh mengancam keselamatannya di perbankan konvensional sekiranya negara yang dia duduki tiada perbankan Islam.</li> <li>✓ Sekiranya penghutang tidak mahu membayar hutang, maka pemiutang berhak mengambil hartanya.</li> </ul>
<p><i>Mā 'ubīh lilḍarūrah yuqaddar bi qadarihā</i> (Perkara yang diharuskan kerana darurat ditentukan batasannya)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Hakim boleh memaksa supaya harta penghutang dijual dengan jumlah yang boleh melunaskan hutangnya dimulakan dengan harta alih, kemudian harta tak alih.</li> </ul>
<p><i>Al-Hājah tanzil manzilah al-ḍarūrah 'āmah kānat 'aw khāṣah</i> (Hajat atau keperluan juga seperti darurat sama ada secara umum atau khusus)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Diharuskan akad <i>ijārah</i>, <i>ju'alah</i>, <i>hiwālah</i>, jual beli <i>salam</i>, <i>muḍārabah</i> dan lain-lain. Akad-akad ini diharuskan walaupun terdapat kaedah umum yang tidak mengharuskan jualan yang tidak wujud kerana secara asasnya ia merupakan satu keperluan dalam masyarakat (Soleh 2017).</li> </ul>
<p><i>Dar' al-mafāsīd awlā min jalb al-maṣāliḥ</i> (Menolak kerosakan itu lebih utama daripada menarik manfaat)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Dilarang melakukan sesuatu ke atas hartanya sehingga menyebabkan kemudaratan kepada orang lain seperti menggali telaga miliknya bersebelahan telaga jiran sehingga menyebabkan telaga jirannya kering.</li> </ul>
<p><i>Idhā ta'arad al-māni' wa al-muqtaḍī yuqaddam al-māni' illā idhā kāna al-muqtaḍī a'zam</i> (Apabila bertentangan antara yang menegah dan yang menuntut, maka didahulukan yang menegah kecuali apabila yang menuntut itu lebih besar)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Diharamkan jual beli arak walaupun ada kebaikan dan manfaat kepada ekonomi.</li> </ul>

#### PELAKSANAAN PENSTRUKTURAN SEMULA PEMBIAYAAN

Bank Pertanian Malaysia Berhad (2020) & Ahmad Syahir Yahya et al. (2020) mendefinisikan penstrukturan semula adalah merupakan salah satu kemudahan dalam pembiayaan Islam yang menyusun semula jumlah pembayaran yang melibatkan perubahan dalam terma dan syarat serta wujud perjanjian baharu disebabkan berlaku peningkatan harga jualan asal atau perubahan jenis pembiayaan. Tujuan program tersebut adalah untuk membantu pelanggan yang berhadapan dengan masalah dan kesulitan dalam meneruskan pembayaran ansuran bulanan dan dilaksanakan selepas tamat tempoh program moratorium (Bank Islam 2020). Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) (2021) menjelaskan bahawa penstrukturan semula pembiayaan merupakan salah satu inisiatif bagi menyusun semula aliran tunai pelanggan sama ada pelanggan perniagaan atau individu supaya mereka dapat mengurus kewangan dengan lebih baik sesuai dengan keadaan kewangan semasa. Menurut BNM (2017), penstrukturan semula pembiayaan dilaksanakan dengan cara pelanggan membuat kontrak pembiayaan yang baharu dengan institusi perbankan dan kesannya pelanggan akan mendapat faedah dan kelebihan daripada jadual serta jumlah ansuran yang baharu sesuai dengan keperluan dan kemampuannya.

Selain itu, kemudahan dan tawaran ini merupakan sokongan daripada institusi perbankan kepada syarikat-syarikat korporat besar serta memberi bantuan dan perkhidmatan kepada

perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mengenai cara penstrukturan semula pembiayaan mereka (BNM 2020). Menurut Abdul Muneem et al. (2020), penstrukturan semula pembiayaan merupakan kemudahan yang tidak ditawarkan secara terbuka kepada pelanggan, tetapi pelanggan sendiri yang perlu mengetahui situasi kewangan semasanya dan hadir ke bank untuk membuat permohonan. Seterusnya pihak bank akan membuat penilaian terhadap kebolehpercayaan pelanggan dengan melihat kepada aktiviti kewangannya termasuk pengurusan kewangan ahli keluarga atau dengan bantuan *Central Credit Reference Information System* (CCRIS).

Menurut BNM (2010), perbezaan dokumentasi kewangan Islam dan konvensional adalah pada perjanjian dan akad yang perlu diperbaharui apabila berlaku perubahan terhadap terma dan syarat perjanjian kerana Islam mewajibkan persetujuan dan keredahan di antara kedua-dua belah pihak terutamanya terhadap pembiayaan yang berasaskan jual beli. BNM (2010) menyatakan bahawa perjanjian jual beli yang asal perlu dibubarkan dan kemudian memeterai perjanjian jual beli yang baharu bagi mengelakkan unsur riba dan *gharar*, berbeza dengan amalan pinjaman konvensional yang hanya perlu memeterai perjanjian tambahan. Walau bagaimanapun, MPS (2020) telah memutuskan bahawa penstrukturan semula pembiayaan Islam hanya perlu memeterai perjanjian tambahan (*supplementary agreement*) yang dirujuk silang dengan terma dan syarat perjanjian asal bertujuan mengurangkan kos dan bebanan kedua-dua belah pihak. Namun, perjanjian baharu diperlukan jika

penstrukturan semula pembiayaan melibatkan penggunaan kontrak syariah yang berbeza dan penggabungan beberapa kontrak menjadi satu kontrak yang baharu (MPS 2020):

- i Penstrukturan semula pembiayaan dengan kontrak yang berbeza. Sebagai contoh, kontrak *mushārah mutanāqisah* (kontrak asal) di struktur menjadi kontrak *ijārah* (kontrak baharu).
- ii Penstrukturan semula pembiayaan dengan penggabungan beberapa jenis kontrak. Sebagai contoh, kontrak *tawarruq* (pembiayaan peribadi), *ijārah* (pembiayaan kenderaan), *qard* dan *ujrah* (kad kredit) digabungkan menjadi satu kontrak yang baharu iaitu *ijārah*.

Menurut Megat & Sharmeen (2020), walaupun berlaku perjanjian baharu disebabkan wujud perubahan pada harga jualan menerusi penstrukturan semula, perjanjian tersebut mungkin boleh di dokumentasi dalam perjanjian tambahan. Penstrukturan semula pembiayaan melalui perjanjian tambahan adalah dibenarkan dengan syarat mendapat persetujuan atau dimaklumkan kepada pihak-pihak berkontrak serta memastikan proses penstrukturan semula pembiayaan lebih efisien dan mengurangkan

kos kepada pelanggan dan operasi bank (MPS 2020). Di samping itu, MPS (2021) melarang institusi perbankan Islam mengambil kira keuntungan terakru bagi pembiayaan asal sebagai amaun prinsipal yang baharu dalam penstrukturan semula pembiayaan Islam untuk mengelakkan berlakunya keuntungan berganda (kompaun) ke atas bayaran ansuran dengan memastikan beberapa perkara, iaitu:

- i. Sekiranya tiada pembiayaan tambahan, maka jumlah prinsipal baharu bagi penstrukturan semula pembiayaan mestilah bersamaan dengan baki prinsipal pembiayaan asal.
- ii. Jumlah keuntungan terakru dan caj lewat bayar terhadap pembiayaan asal boleh ditambah menjadi obligasi keseluruhan pembayaran ansuran tetapi tidak boleh diambil kira dalam pengiraan keuntungan yang baharu.
- iii. Keuntungan berganda adalah dilarang dalam penstrukturan semula pembiayaan bagi semua pelanggan.

Contoh pengiraan bagi menjelaskan garis panduan di atas adalah seperti dalam jadual 2 (MPS 2021):

Jadual 2: Contoh pengiraan keuntungan berganda oleh MPS (2021)

Item	Jumlah Pembiayaan Sedia Ada	Jumlah Pembiayaan Bagi Penstrukturan Semula	
		Tanpa Keuntungan Berganda	Keuntungan Berganda (Ambil Kira)
Baki Prinsipal	RM 50,113	RM 50,113	RM 50,489
Keuntungan Belum Terakru/Tertanggung	RM 6,783	RM 6,783	RM 6,895
Keuntungan Terakru	RM 376	RM 376	RM 0
Jumlah Keseluruhan Obligasi	RM 57,272	RM 57,272	RM 57,384

Sumber: MPS (2021)

Jadual 2 di atas menunjukkan perbezaan penstrukturan semula pembiayaan dengan mengambil kira keuntungan berganda dan sebaliknya. Bagi penstrukturan tanpa keuntungan berganda, jumlah pembiayaan baharu selepas penstrukturan semula adalah sama dengan jumlah pembiayaan asal iaitu RM 50,113, berbeza dengan penstrukturan semula yang mengambil kira keuntungan berganda dengan memasukkan jumlah keuntungan terakru (RM 376) ke dalam jumlah prinsipal yang baharu menjadi RM 50,489. Bagi kewangan Islam, jumlah keuntungan terakru (RM 376) akan dimasukkan ke dalam jumlah keseluruhan obligasi kewangan bersama-sama jumlah baki prinsipal (RM 50,113) dan jumlah keuntungan belum terakru (RM 6,783) yang berjumlah RM 57,272. Bagi institusi perbankan yang mengambil kira keuntungan berganda, jumlah kompaun sebanyak RM 112 akan dimasukkan ke dalam jumlah keuntungan belum terakru berjumlah RM 6,895 dan

menjadikan baki keseluruhan obligasi kewangannya lebih tinggi daripada jumlah asal iaitu RM 57,384. Justeru, jumlah kompaun sebanyak RM 112 tersebut merupakan keuntungan berganda yang dilarang oleh Majlis Penasihat Syariah serta terpakai kepada semua pelanggan institusi perbankan Islam sama ada kepada *mūsir* atau *mu'sir*.

#### FAKTOR PENSTRUKTURAN SEMULA PEMBIAYAAN

Sebagaimana yang sedia maklum, tujuan penstrukturan semula pembiayaan adalah untuk membantu dan memudahkan aliran tunai kewangan pelanggan yang menghadapi masalah dan kesulitan dalam meneruskan komitmen pembayaran ansuran bulanan supaya mereka dapat merancang dan mengurus kewangan dengan baik. Menurut Tengku Zafrul (2020), penawaran penstrukturan semula pinjaman dan pembiayaan ini sebagai salah satu usaha membantu individu dan PKS yang terjejas

akibat pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia khususnya di Malaysia. Tawaran kepada golongan PKS adalah penting terutamanya kepada mereka yang lebih cenderung memberhentikan pekerja atau menutup perniagaan lebih awal kerana kegagalan perusahaan mikro, kecil dan sederhana akan memberi kesan dan impak yang besar kepada ekonomi sesebuah negara yang sedang membangun (SME Corporation Malaysia 2021).

Menurut Abdul Muneem et al. (2020), kebiasaannya pelanggan akan ditawarkan program moratorium selama beberapa bulan disebabkan berlaku bencana atau kemalangan kepada pelanggan seperti banjir dan tanah runtuh dan mereka akan melaksanakan penstrukturan semula pembiayaan selepas tamat tempoh moratorium tersebut. Pelaksanaan moratorium pertama kali diperkenalkan secara menyeluruh oleh kerajaan untuk mengurangkan bebanan kewangan yang ditanggung oleh individu dan ahli perniagaan selama enam bulan iaitu bermula April hingga September 2020 rentetan daripada penularan pandemik Covid-19 (Berita Harian 2020). Kesan dan impak daripada pandemik Covid-19 bukan sekadar menimbulkan kerisauan kepada masyarakat dari sudut kesihatan, tetapi juga dari sudut kewangan dan pendapatan disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menghadkan pergerakan masyarakat bagi mengurangkan risiko dan penyebaran pandemik. (Muhyiddin Yassin 2020). Menurut Khoo Siew Khiat yang merupakan Ketua Perkhidmatan Penstrukturan Semula, hampir semua sektor terjejas dengan pandemik Covid-19, antara yang terkesan teruk ialah sektor pelancongan, perhotelan, penerbangan, runcit dan hartanah (Sinar Harian 2021). Oleh yang demikian, kemudahan dan tawaran yang disediakan oleh institusi perbankan ini telah membantu dan memberi ruang kepada pelanggan yang terkesan dengan Covid-19 untuk melunaskan keperluan dan perbelanjaan harian diri dan keluarga tanpa perlu terbeban dengan pembayaran ansuran bulanan (Sinar Harian 2021). Di samping itu, larangan keuntungan berganda bagi penstrukturan semula pembiayaan diputuskan dan diperluaskan kepada semua pelanggan institusi perbankan Islam dengan mengambil kira keperluan dan keadaan semasa pandemik Covid-19 dan mudarat kepada pelanggan secara umumnya walaupun berlaku 9 pengurangan terhadap sebahagian keuntungan tambahan bagi pembiayaan tersebut (BNM 2021). Menurut Rosman Mohamed (2020) & Zaharuddin Abdul Rahman (2020), penstrukturan semula pembiayaan melalui program moratorium akan memberi kesan kepada institusi perbankan kerana bank mempunyai komitmen yang lain seperti pembayaran dividen dan profit kepada pemegang saham dan pendeposit, perbelanjaan operasi bank dan sebagainya. Walau bagaimanapun, menurut Najib Razak, bank tidak menghadapi sebarang kerugian sepanjang tempoh moratorium ketika pandemik Covid-19 selama enam bulan, bahkan ada yang merekodkan keuntungan

lebih tinggi (Sinar Harian 2020).

#### ANALISIS KAEDAH MENGHILANGKAN KEMUDARATAN DALAM PELAKSANAAN PENSTRUKTURAN SEMULA PEMBIAYAAN ISLAM

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, kaedah menghilangkan kemudaratan dinilai dan dibahagikan berdasarkan kaedah-kaedah pecahan daripada kaedah utama iaitu *al-darar yuzāl* (kemudaratan itu harus dihilangkan) yang telah dijelaskan sesuai dengan matlamat dan faktor pelaksanaan penstrukturan semula pembiayaan Islam. Tujuan utama kemudahan ini adalah untuk membantu pelanggan yang menghadapi masalah dan kesulitan dalam membuat pembayaran ansuran bulanan (Bank Islam 2020) dan memberi ruang kepada mereka untuk menyusun semula aliran tunai mengikut keperluan dan keadaan kewangan semasa (MPS 2021). Masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh pelanggan adalah satu bentuk kemudaratan yang perlu dihilangkan semampu mungkin melalui kemudahan penstrukturan semula pembiayaan bagi meringankan bebanan pelanggan sesuai dengan kaedah fiqh: *Al-Darar yudfa' bi qadr al-imbān* (kemudaratan dicegah sekadar yang mungkin). Kemudahan ini juga ditawarkan melalui program moratorium selama beberapa bulan disebabkan oleh kemalangan atau bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh melalui perbincangan dan persetujuan di antara pelanggan dan pihak bank (Abdul Muneem et al. 2020). Kemalangan dan bencana adalah kemudaratan yang ditanggung oleh pelanggan, namun pelanggan perlu dibataskan dengan keperluan dan tempoh masa tertentu tertakluk kepada persetujuan dan perbincangan di antara kedua-dua belah pihak. Pelaksanaan dan batasan tersebut bersesuaian dengan kaedah fiqh: *Mā 'ubīh lil-dar'arah yuqaddar bi qadarihā* (perkara yang diharuskan kerana darurat ditentukan batasan). Selain itu, penstrukturan semula pembiayaan juga ditawarkan kepada golongan PKS yang cenderung memberhentikan pekerja agar mereka dapat meneruskan dan merancang perniagaan (SME Corporation Malaysia 2021). Berdasarkan kepada kaedah *al-darār lā yuzāl bi al-darar* (kemudaratan itu tidak dapat dihilangkan dengan kemudaratan yang lain), golongan PKS yang menghadapi situasi kesulitan dan kesukaran tidak boleh memberhentikan pekerja-pekerjanya selagi ada peluang dan kesempatan. Oleh yang demikian, bantuan kemudahan melalui penstrukturan semula pembiayaan adalah salah satu bentuk peluang dan kesempatan bagi menyelamatkan pekerja-pekerja daripada diberhentikan.

Penawaran kemudahan ini adalah salah satu usaha membantu individu dan PKS yang terkesan disebabkan pandemik Covid-19 (Tengku Zafrul 2020) terutamanya kepada golongan PKS yang cenderung memberhentikan pekerja dan menutup perniagaannya (SME Corporation Malaysia 2021).



Masyarakat terkesan dari sudut kewangan dan pendapatan disebabkan oleh pelaksanaan PKP yang menghadkan pergerakan mereka (Muhyiddin Yassin 2020) serta menjejaskan hampir semua sektor pelancongan, perhotelan, penerbangan dan lain-lain (Sinar Harian 2021). Penstrukturan semula pembiayaan melalui pelaksanaan moratorium juga telah memberi kesan kepada bank kerana bank mempunyai komitmen lain (Rosman Mohamed 2020 & Zaharuddin Abdul Rahman 2020). Namun, kesan yang bank hadapi tidak menyebabkan kerugian sepanjang tempoh tersebut (Sinar Harian 2020) dan hanya berlaku pengurangan terhadap sebahagian keuntungan tambahan (BNM 2021). Oleh yang demikian, kemudaran yang ditanggung oleh masyarakat sama ada individu atau perniagaan adalah lebih besar dan lebih umum daripada kemudaran yang ditanggung oleh institusi perbankan kerana bank masih mampu meneruskan operasi dan hanya mengurangkan sebahagian keuntungan tambahan, sedangkan masyarakat menghadapi konflik kesihatan dan kewangan sesuai dengan kaedah fiqh: *Idhā ta'āraḍ maḥṣadatān rū'ī a'zamuhumā ḍararā bi irtikāb akhaffihimā* (apabila bercanggah antara dua kerosakan, maka hendaklah dia menentukan yang lebih besar di antara dua kerosakan tersebut dengan melaksanakan sesuatu yang lebih ringan) dan *yutaḥammal al-ḍarar al-khāṣ li daf' ḍarar 'ām* (menanggung kemudaran yang khusus demi untuk mencegah terjadinya kemudaran yang umum).

Penstrukturan semula pembiayaan Islam dilaksanakan melalui perjanjian tambahan dengan syarat mendapat persetujuan dan diketahui oleh kedua-dua belah pihak serta menjimatkan kos perbelanjaan dan operasi bank (MPS 2020).

Kemudahan ini merupakan salah satu usaha membantu pelanggan yang terjejas disebabkan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh negara (Tengku Zafrul 2020) selain penawaran ketika berlaku bencana alam atau kemalangan melalui program moratorium (Abdul Muneem et al. 2020). Kemudahan ini merupakan satu keperluan dan hajat yang diharuskan terutamanya dalam keadaan darurat seperti penularan pandemik Covid-19 atau dalam situasi bencana kepada pelanggan yang tertentu sesuai dengan kaedah fiqh: *Al-Ḥājah tanzil manzilah al-ḍarūrah 'āmah kānat 'aw khāṣah* (hajat atau keperluan juga seperti darurat sama ada secara umum atau khusus). Secara umumnya, hutang dan seumpamanya wajib dibayar mengikut perjanjian dan tempoh yang dipersetujui, bahkan pihak pemberi hutang berhak memintanya pada bila-bila masa (al-Bughā et al. 2011). Penstrukturan semula pinjaman dan pembiayaan pula merupakan salah satu usaha membantu pelanggan yang terjejas disebabkan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh negara (Tengku Zafrul 2020). Justeru, walaupun pembayaran komitmen ansuran bulanan tersebut merupakan satu tuntutan, namun halangan yang berlaku disebabkan pandemik Covid-19 adalah lebih diutamakan bagi menjaga kepentingan dan kebajikan pihak yang berkontrak sesuai dengan kaedah fiqh: *Idhā ta'āraḍ al-māni' wa al-muqtaḍī yuqaddam al-māni' illā idhā kāna al-muqtaḍī a'zam* (apabila bertentangan antara yang menegah dan yang menuntut, maka didahulukan yang menegah kecuali apabila yang menuntut itu lebih besar). Analisis kaedah menghilangkan kemudaran dalam pelaksanaan penstrukturan semula pembiayaan Islam diringkaskan melalui jadual 3:

Jadual 3: Kaedah Menghilangkan Kemudaran Dalam Pelaksanaan Penstrukturan Semula Pembiayaan Islam

Aplikasi Dalam Pelaksanaan Penstrukturan Semula Pembiayaan Islam	Kaedah Fiqh
✓ Membantu pelanggan yang menghadapi masalah dan kesulitan dalam membuat pembayaran ansuran bulanan (Bank Islam 2020) dan memberi ruang kepada mereka untuk menyusun semula aliran tunai mengikut keperluan dan keadaan kewangan semasa (MPS 2021).	<i>Al-Ḍarar yudfa' bi qadr al-imkān</i> (Kemudaran dicegah sekadar yang mungkin)
✓ Kemudahan ini ditawarkan melalui program moratorium selama beberapa bulan disebabkan oleh kemalangan atau bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh melalui perbincangan dan persetujuan di antara pelanggan dan pihak bank (Abdul Muneem et al. 2020).	<i>Mā 'ubīḥ liḍḍarūrah yuqaddar bi qadarihā</i> (Perkara yang diharuskan kerana darurat ditentukan batasan)
✓ Penstrukturan semula pembiayaan juga ditawarkan kepada golongan PKS yang cenderung memberhentikan pekerja agar mereka dapat meneruskan dan merancang perniagaan (SME Corporation Malaysia 2021)	<i>Al-Ḍarār lā yuzāl bi al-ḍarar</i> (Kemudaran itu tidak dapat dihilangkan dengan kemudaran yang lain)

Aplikasi Dalam Pelaksanaan Penstrukturan Semula Pembiayaan Islam	Kaedah Fiqh
<p>Penawaran kemudahan ini adalah salah satu usaha membantu individu dan PKS yang terkesan disebabkan pandemik Covid-19 (Tengku Zafrul 2020).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ PKS juga ditawarkan kemudahan ini kerana kecenderungannya memberhentikan pekerja dan menutup perniagaannya (SME Corporation Malaysia 2021).</li> <li>✓ Masyarakat terkesan dari sudut kewangan dan pendapatan kerana pelaksanaan PKP yang menghadkan pergerakan mereka (Muhyiddin Yassin 2020).</li> <li>✓ Hampir semua sektor terjejas teruk seperti sektor pelancongan, perhotelan, penerbangan dan lain-lain (Sinar Harian 2021).</li> <li>✓ Penstrukturan semula pembiayaan melalui pelaksanaan moratorium memberi kesan kepada bank kerana bank mempunyai komitmen lain (Rosman Mohamed 2020 &amp; Zaharuddin Abdul Rahman 2020). Namun, kesan yang bank hadapi tidak menyebabkan kerugian sepanjang tempoh tersebut (Sinar Harian 2020).</li> <li>✓ Keuntungan berganda bagi pembiayaan Islam adalah dilarang dan berlaku pengurangan terhadap sebahagian keuntungan tambahan (BNM 2021)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ <i>Idhā ta'āraḍ mafsadatān rū'ī a'zamuhumā ḍararā bi irtikāb akhaffihimā</i> (Apabila bercanggah antara dua kerosakan, maka hendaklah dia menentukan yang lebih besar di antara dua kerosakan tersebut dengan melaksanakan sesuatu yang lebih ringan)</li> <li>✓ <i>Yutahammal al-ḍarar al-khāṣ li daf' ḍarar 'ām</i> (Menanggung kemudaratan yang khusus demi untuk mencegah terjadinya kemudaratan yang umum)</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Penstrukturan semula dilaksanakan melalui perjanjian tambahan dengan syarat mendapat persetujuan dan diketahui oleh kedua-dua belah pihak serta menjimatkan kos perbelanjaan dan operasi (MPS 2020)</li> <li>✓ Penstrukturan semula pinjaman dan pembiayaan merupakan salah satu usaha membantu pelanggan yang terjejas disebabkan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh negara (Tengku Zafrul 2020).</li> <li>✓ Penstrukturan semula melalui program moratorium ditawarkan ketika berlaku bencana alam atau kemalangan kepada pelanggan yang terlibat (Abdul Muneem et al. 2020).</li> </ul>	<p><i>Al-Ḥājah tanzil manzilah al-ḍarūrah 'āmah kānat 'aw khāṣah</i> (Hajat atau keperluan juga seperti darurat sama ada secara umum atau khusus)</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Secara umumnya, hutang dan seumpamanya wajib dibayar mengikut perjanjian dan tempoh yang dipersetujui, bahkan pihak pemberi hutang berhak memintanya pada bila-bila masa (al-Bughā et al. 2011).</li> <li>✓ Penstrukturan semula pinjaman dan pembiayaan merupakan salah satu usaha membantu pelanggan yang terjejas disebabkan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh negara (Tengku Zafrul 2020).</li> </ul>	<p><i>Idhā ta'āraḍ al-māni' wa al-muqtaḍī yuqaddam al-māni' illā idhā kāna al-muqtaḍī a'zam</i> (Apabila bertentangan antara yang menegah dan yang menuntut, maka didahulukan yang menegah kecuali apabila yang menuntut itu lebih besar)</p>

Secara umumnya, kemudahan yang berbentuk umum dan besar adalah lebih diutamakan daripada kemudahan yang bersifat khusus dan ringan kerana menjaga kemaslahatan umum dan menjaga kebajikan orang ramai itu lebih didahulukan terutamanya dalam situasi yang melibatkan nyawa. Begitu juga sekiranya bertentangan di antara suatu tuntutan dan tegahan, maka hendaklah didahulukan dengan meninggalkan tegahan tersebut kecuali sesuatu tuntutan itu lebih besar kerana mendahulukan bahaya dan darurat adalah lebih utama. Penawaran penstrukturan semula pembiayaan sudah pasti ditujukan kepada pelanggan ketika menghadapi situasi yang tidak diinginkan. Oleh yang demikian, institusi perbankan Islam perlu meneruskan dan mengembangkan segala bentuk bantuan dan tawaran kepada pelanggan selagi mana tidak mendatangkan kerugian dan kelumpuhan kepada institusi perbankan Islam selari dengan matlamat penubuhannya serta keperluan semasa pihak-pihak yang berkontrak.

#### KESIMPULAN

Islam menekankan dan mengutamakan pelaksanaan sesuatu syariat dan adat dengan mengambil kira

kemaslahatan serta kebajikan individu dan masyarakat. Jika bertembung dua keadaan tertentu, maka pilihlah keadaan yang lebih ringan dan mendatangkan manfaat yang lebih besar. Kemudahan dan keringanan yang dibenarkan syarak adalah salah satu bentuk ihsan sama ada berkaitan ibadat, muamalat dan lain-lain bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT dalam apa jua keadaan sekalipun. Muamalat dan kewangan Islam merupakan salah satu cabang hukum syariat yang melibatkan urusan transaksi sesama manusia. Matlamat utama kewangan Islam adalah membezakan serta menjauhi unsur-unsur riba, *gharar* dan penindasan sebagaimana yang diamalkan oleh sistem kewangan konvensional yang mengutamakan keuntungan dunia semata-mata. Keluasan hukum muamalat Islam memberi suatu gambaran bahawa manusia sememangnya memerlukan antara satu sama lain bagi menjalankan kehidupan yang lebih selamat dan sejahtera. Asal hukum muamalat adalah harus melainkan terdapat dalil yang melarang. Penstrukturan semula pembiayaan Islam memberi jalan dan ruang kepada pelanggan institusi perbankan merancang dan mengatur kewangan semasa terutamanya apabila berlaku bencana alam seperti

banjir, tanah runtuh, penularan pandemik atau wabak dan sebagainya. Kaedah menghilangkan kemudaratan ini telah diaplikasikan melalui beberapa kaedah pecahan berdasarkan kepada faktor-faktor penawaran penstrukturan semula pembiayaan. Kemudahan ini sudah tentu dibenarkan syarak kerana tiada sebarang dalil yang melarang dan pelaksanaannya mampu menyelamatkan dan meringankan bebanan yang ditanggung oleh masyarakat daripada konflik kewangan dari sudut adat. Institusi perbankan Islam perlu mempelbagaikan jenis bantuan dan kemudahan agar masyarakat terus menghargai dan bersama memartabatkan kewangan Islam.

#### RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Ab. Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zin. 2021. *Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh*. Kundang Jaya: Pustaka Salam.
- Abdul Muneem, Nor Fahimah Mohd Razif & Abdul Karim Ali. 2020. Issues On Restructuring of a Financing Facility in Malaysian Islamic Banks. *Jurnal Syariah* 28(1): 105-126.
- Abdullah Muhammad Basmīh. 1998. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran 30 Juzu*. Kuala Lumpur: Dar al- Fikri.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2020. *Mengenali Kuantitatif & Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Ahmad Syahir Yahya, Wan Nur Syuhada Wan Norhaidi & Khairul Fikry Jamaludin. 2020. Covid-19 Pandemic: Rescheduling or Restructuring of Financing/Loan Facilities With Banking and Financial Institutions. Corporate Communications Azmi & Associates.
- Berita Harian. 25 September 2020. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/09/734909/pandemik-ajar-kepentingan-urus-kewangan>.
- Bank Islam. 2020. Soalan-Soalan Lazim Berkaitan Program Penjadualan/Penstrukturan Semula.
- Bank Negara Malaysia. 2010. Bahagian V: Isu-Isu Syariah Berkaitan Kewangan Islam.
- Bank Negara Malaysia. 2017. Kompilasi Keputusan Syariah Dalam Kewangan Islam (Edisi Ketiga).
- Bank Negara Malaysia. 2020. Laporan Tahunan 2020.
- Bank Pertanian Malaysia Berhad. 2020. Soalan Lazim-Penjadualan & Penstrukturan Semula Pembiayaan Bagi Pelanggan Yang Terkesan Akibat Pandemik Covid-19.
- al-Bughā, al-Khin & al-Sharbajī, Muṣṭafā Dīb, Muṣṭafā & 'Alī . 2011. *Al-Fiqh Al-Manhaji 'Ala Madhhab Al-Imām Al-Shafi'i*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- al-Bughā & Mistū, Muṣṭafā Dīb & Muḥyī al-Dīn. 2019. *Al-Wāfi Fī Sharḥ al-Arba'īn al-Nawawiyah*. Damsyik: Dār al-Muṣṭafā.
- Creswell, John W. 2014. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Lincoln: University of Nebraska.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Duski Ibrahim. 2019. *Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah (Kaidah-Kaidah Fiqh)*. Palembang: Noerfikri.
- H. Mif Rohim. 2019. *Buku Ajar Qawa'id Fiqhiyyah (Inspirasi Dan Dasar Penetapan Hukum)*. Jawa Timur: LPPM Universitas Hashim Asy'ari Tebuireng Jombang.
- Ibnu Kathīr al-Qurashī al-Dimashqī, Abī al-Fidā' Ismā'īl bin 'Umar. 1999. *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. al-Riyāḍ: Dār Ṭaibah Lilnashri Wa al-Tawzī'.
- Ibnu Mājah, Abī Abdillāh Muhammad bin Yazīd al-Qazwīnī. 2014. *Sunan Ibnu Mājah*. Lubnan: Dār al-Ta'sīl.
- Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. 2020. Keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Penstrukturan dan Penjadualan Semula Pembiayaan.
- Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. 2021. Keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Keuntungan Berkompau bagi Pembiayaan Penstrukturan dan Penjadualan Semula (R&R) Secara Islam.
- Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah. 2004. *Al-Mu'jam al-Wasīl*. Kairo: Maktabah al-Shurūq al-Dauliyah
- Megat Hizaini Hassan & Sharmeen Dahlia. 2020. Recent Shariah Advisory Council Ruling on Restructuring of Islamic Financing Facilities. <https://www.lh-ag.com/wp-content/uploads/2020/08/Recent-Shariah-Advisory-Council-Ruling-on-Restructuring-of-Islamic-Financing-Facilities-LHAG-update-20200821.pdf>. [21 Ogos 2020].
- Muhammad Hanief Awang Yahaya. 2021. *Kompas Hidup Bersyariat: 300 Aplikasi Kaedah Fiqh Dalam Kehidupan*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Soleh bin Ahmad. 2017. *Qawā'id Fiqhiyyah*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid
- Muhyiddin Yassin. 2020. Penangguhan Bayaran Balik Pinjaman Bank dan Penyusunan Semula Baki Kad Kredit Serta Pinjaman Korporat. <https://www.pmo.gov.my/2020/03/penangguhan-bayaran-balik-pinjaman-bank-dan-penyusunan-semula-baki-kad-kredit-serta-pinjaman-korporat/>. [25 Mac 2020].
- Muslim bin al-Hajjāj, Abū al-Husain al-Qushairī al-Naisabūrī. 2006. *Ṣaḥīḥ Muslim*. al-Riyāḍ: Dār Ṭaibah.
- Rosman Mohamed. 2020. Moratorium: Apa Bank Nak Kata?. 5 Mei. <https://www.youtube.com/watch?v=w83a3uXK> U8k. [12 Mei 2020].

- Sinar Harian. 28 November 2020.  
<https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=134019>.
- Sinar Harian. 23 Jun 2021.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/145906/BISNES/Bank-perlu-berubah-berikutan-pandemik-terus-menjejaskan>.
- Sinar Harian. 14 Julai 2021.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/149885/KHAS/Pendapat/Moratorium-Keperluan-atau-kehendak>.
- SME Corporation Malaysia. 2021. *PKS Normal Baharu: Membangun Semula Ekonomi*. Kuala Lumpur: MPUPK
- al-Suyūṭī, al-Imām Jalāl al-Dīn Abd al-Raḥmān. 1983. *Al-Ashbāh Wa Al-Nazā'ir Fī Qawā'id Wa Furū' Fiqh al-Shāfi'iyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz. 27 Julai 2020.  
<https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/akhtar/lebih-394-000-peminjam-dihubungi-untuk-struktur-jadual-semula-pinjaman-tengku-zafrul>.
- Zaharuddin Abd. Rahman. 2020. Penjelasan Kekeliruan Moratorium Oleh Bank Negara Malaysia. 1 Mei.  
<https://www.youtube.com/watch?v=OdnT7JaPzeA>. [2 Mei 2020].

Erfan Asmaie Khairul Anam  
p110133@siswa.ukm.edu.my  
Pelajar Siswazah  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA.

Abdul Basir Mohamad (*Corresponding Author*)  
abasir@ukm.edu.my  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA.

Mohammad Zaini Yahaya  
zainiyahya@ukm.edu.my  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA.

KANDUNGAN / CONTENTS

<b>Kepentingan Faktor <i>Fasād Al-Zamān</i> dalam Penetapan Hukum <i>Ijtihādī</i></b> <i>The Importance of Fasād Al-Zamān over The Determination of Ijtihādī Law</i> Muhammad Iqbal Roslee & Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	1-13
<b>Analisis Kaedah Menghilangkan Kemudaratan Dalam Penstrukturan Semula Pembiayaan Islam</b> <i>Analysis of Harm Retrieval Methods in Islamic Financing Restructuring</i> Erfan Asmaie Khairul Anam, Abdul Basir Mohamad & Mohammad Zaini Yahaya	14-25
<b>Pembangunan Wakaf <i>Dhurri</i>: Penubuhan Syarikat Keluarga Ke Arah Kelestarian Sumber Ekonomi</b> <i>Development of Wakaf Dhurri: The Establishment of Family Companies Towards Sustainable Economic Resources</i> Jasni Sulong & Muhammad Syamir Izzuddin Zulkifli	26-34
<b>Islamic Law of Inheritance and Its Implication amongst Muslim Society: An Empirical Analysis</b> Iqbal Saujan, Seyed Mohamed Mohamed Mazahir & Nasrin Muhammadu Ibrahim	35-51
<b>Cadangan Prosedur Operasi Standard (SOP) Tangkapan dan Tahanan Individu Autisme untuk Pegawai Penguat Kuasa Agama (PPA) di Malaysia</b> <i>Proposed Standard Operating Procedure (SOP) for Arrest and Detention of Autistic Individuals for Religious Enforcement Officers (PPA) in Malaysia</i> Zahidah Dahalan, Zuliza Mohd Kusrin, Wafaa' Yusof, Mohd Al Adib Samuri & Nurul Ilyana Muhd Adnan	52-61
<b>Pelaksanaan Hukuman Mati di Malaysia Menurut Perspektif Hukum Jenayah Islam</b> <i>Implementation of Death Penalty in Malaysia From The Islamic Criminal Law Perspective</i> Wafaa' Yusof & Muhammad Hariz Muqri Azmi	62-74
<b>Sabit dan Hukuman Berkaitan Pemandu Mabuk Menurut Hukum Syarak</b> <i>Conviction and Punishment Related to Drunk Drivers According to Islamic Law</i> Amira Adila Sabri & Wafaa Yusof	75-84
<b>The Law of Naval Warfare: A Comparative Analysis in the Islamic Law of Armed Conflict and International Humanitarian Law</b> Begümhan I. Simsir, Geneva Academy	85-90
<b>Penguatkuasaan Penghakiman Sita dan Jual: Pelaksanaan dan Kekangan di Mahkamah Syariah</b> <i>Foreclosure and Sale Judgments Enforcement: Implementation and Constraints in Syariah Courts</i> Mohd. Hazwan Bin Ismail & Jasni Bin Sulong	91-101
<u>Ulasan Buku / Book Review</u> <b>Hamdeh, Emad. 2021. Salafism and Traditionalism: Scholarly Authority in Modern Islam. Cambridge University Press, DOI: 10.1017/9781108756594</b> Mohd Al Adib Samuri	101-103

Journal of Contemporary Islamic Law

(2022)Vol. 7(1)

**Editor-In-Chief**

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

**Co-Editor**

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

**Secretary**

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

**Senior Editor**

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

**International Editor**

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeali

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

**Chief Managing Editor**

Dr. Mat Noor Mat Zain

**Arabic Copy Editor**

Anwar Fakhri Omar

**Bahasa Copy Editor**

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

**Editor**

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

**Published by:**

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

**Suggested citation style:**

Author, (2022), Title, Journal of Contemporary

Islamic Law, 6(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

**Copyrights:**

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.